



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

UNDANG – UNDANG KECIL RUMAH URUT (W.P.) 1980

A. Ringkasan Syarat-syarat

1. Premis hendaklah digunakan untuk tujuan urutan sahaja. Kegiatan menyalahgunakan premis seperti pelacuran, perjudian atau apa-apa perlakuan yang tidak senonoh tidak dibenarkan.
2. Pengusaha dikehendaki menjalankan aktivitiurut mengurut secara terbuka (open concept). Bagi turuan keselesaan pelanggan, dibenarkan dipasang langsir atau skrin yang berukuran tidak lebih 2 meter (6 kaki) dari lantai bagi memisahkan antara satu katil dengan yang lain. Bilik-bilik tidak dibenarkan.
3. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa mempamerkan papan iklan yang bersesuaian saiznya di tempat yang mudah dilihat jelas nama rumah urut tersebut.
4. Waktu perniagaan yang dibenarkan ialah di antara jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah malam.
5. Semua nama pekerja dan pengurus sebelum diambil bekerja hendaklah didaftarkan dengan Jabatan Pelesenan, Dewan Bandaran MyPEC beserta dengan surat perakuan kesihatan dari doctor yang bertauliah, yang dilakukan sekali setahu, membuktikan pekerja / pengurus bebas dari sebarang penyakit berjangkit atau berbahaya.
6. Pengusaha tidak dibenarkan mengambil pekerja di bawah umur 21 tahun sebagai tukang urut atau kerja-kerja lain yang berkaitan.
7. Ruang urut, tandas, bilik air, katil, kain cadar, lantai, ruang tamu dan keseluruhan premis hendaklah diselenggara dengan baik dan sentiasa dalam keadaan bersih.
8. Menyediakan tong sampah yang secukupnya beserta dengan karung plastic.
9. Kelengkapan mencegah kebakaran seperti alat pemadam api hendaklah disediakan dengan secukupnya dan dipasang di tempat yang mudah dilihat.
10. Semua laluan, tangga, jalan keluar dan masuk hendaklah bebas dari sebarang halangan.
11. Semua ruang dalam rumah urut atau premis hendaklah dipasang dengan lampu yang terang semasa waktu perniagaan.

B. Syarat-syarat Tambahan Pelesenan Rumah Urut

1. Gambar atau poster di dinding dan visual di papan iklan tidak dibenarkan terdapat apa jua gambar-gambar lucah dan menjolok mata.
2. Orang-orang yang beragama Islam tidak dibenarkan masuk ke rumah urut sebagai pelanggan atau bekerja sebagai tukang urut. Sebuah notis yang bersesuaian besarnya dan berbunyi:

“ORANG-ORANG ISLAM TIDAK DIBENARKAN MASUK ATAU MELANGGAN RUMAH URUT”

Hendaklah dipamerkan di kawasan hadapan cermin pintu atau dinding premis. Syarat ini tidak terpakai bagi rumah urut jenis berikut:

- 2.1 Rumah Urut Orang Buta
 - 2.2 Rumah Urut Di Mana Pelanggannya Terdiri Daripada Kaum Wanita
3. Pengusaha, Kapten, Juruwang, Pengurut dan pekerja-pekerja lain dikehendaki memakai pakaian seragam bersopan, tidak menjolok mata lencana nama (name tag) semasa menjalankan tugas.
 4. Pengusaha-pengusaha rumah urut yang telah dilesenkan sebelum 31 Julai 1995 adalah diberi dua (2) pilihan dalam membuat ubahsuai bilik-bilik urut seperti berikut:
 - 4.1 Bilik-bilik urut yang sedia ada dibuka atau dipecah di bahagian dinding sekatan antara dua (2) bilik sebesar sebuah pintu dan dipasang kain langsir (curtain) bagi tujuan keselesaan pelanggan apabila kerja mengurut dijalankan.
 - 4.2 Pintu masuk ke bilik sedia ada mestilah dari 100% cermin (glass) atau bercermin yang diluluskan oleh Datuk Bandar tanpa boleh dikunci. Kedua-dua jenis pintu cermin berkenaan hendaklah dari jenis boleh dilihat dari luar dengan jelas.
 5. Datuk Bandar Kuala Lumpur berhak pada bila-bila masa menambah, mengubah atau membatalkan apa-apa syarat dalam lesen ini.
 6. Mana-mana pemegang lesen rumah urut yang didapati telah melanggar mana-mana peruntukan dalam Undang-undang Kecil Rumah Urut (WP) 1980 dan syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah telah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit (RM 2,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

**Jabatan Pelesenan
Dewan Bandaran MyPEC
Mei 2009**

Tingkat 22 Menara Safuan,
No. 80 Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.
No. Tel: 03-20723802
No. Faks: 03-20723804